

## **Tahfiz Al-Quran Pantas Malaysia: Antara Keperluan, Cabaran Dan Solusi<sup>781</sup>**

Mohd Shamsul Hakim bin Abd Samad,<sup>782</sup> Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff,<sup>783</sup> Prof Madya Dr Sedek bin Ariffin<sup>784</sup> dan Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamad<sup>785</sup>

### **Abstrak:**

Penawaran Program Tahfiz al-Quran Pantas mula memasuki dunia pendidikan tahfiz di Malaysia secara agresifnya bermula tahun 2018. Penawaran program tahfiz pantas ini telah menerima pandangan yang berbeza di kalangan masyarakat sama ada menerimanya atau menolaknya sebagai satu bentuk penawaran yang baharu bagi pendidikan tahfiz di Malaysia. Ia dilihat berbeza daripada penawaran program-program dan kaedah-kaedah tahfiz konvensional khususnya dari segi peruntukan masa menghafaz, jangkaan melengkapkan hafazan al-Quran selain pembahagian silibus harian, mingguan dan bulanan, kaedah pelaksanaannya dan lain-lain. Dalam keadaan ini, sambutan terhadapnya tetap ada menerusi pelbagai program seumpamanya yang ditawarkan kepada masyarakat di Malaysia khususnya menerusi program-program berbayar selain turut ditawarkan di sebahagian institusi pendidikan tahfiz kendalian pihak swasta mahu pun kerajaan. Justeru, bagi menilai dan merektifikasi perkara ini, satu kertas kerja disediakan bagi menilai antara keperluan penawaran program tahfiz pantas ini di Malaysia, cabaran-cabaran seterusnya mencadangkan solusi-solusi bagi setiap isu yang dibangkitkan seandainya wujudnya kewajaran penawaran program ini dalam konteks masyarakat di Malaysia.

**Kata kunci:** *tahfiz, tahfiz pantas, pendidikan tahfiz*

### **Pendahuluan:**

#### **1.0: Tahfiz Pantas: Kemunculannya Di Malaysia**

Menghafaz al-Quran dalam tempoh masa yang singkat dilihat sesuatu yang baru dalam masyarakat di Malaysia. Bahkan seandainya terma tahfiz pantas terus dibicarakan, itu mungkin akan dilihat canggung oleh sesetengah pihak Malaysia dengan bersandarkan pemerhatian terhadap tradisi menghafaz al-Quran di dalam masyarakat muslim semenjak zaman berzaman.

---

<sup>781</sup> Kertas kerja Ini disediakan bagi tujuan pembentangan di Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT) 2023 bertempat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada tanggal 4-5 Oktober 2023.

<sup>782</sup> Calon Ijazah Sarjana Kedoktoran Pengajian al-Quran, Jabatan Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. [shamsul@usim.edu.my](mailto:shamsul@usim.edu.my).

<sup>783</sup> Profesor di Jabatan Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. [zulkifliy@um.edu.my](mailto:zulkifliy@um.edu.my)

<sup>784</sup> Profesor Madya di Jabatan Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. [sedek2001@um.edu.my](mailto:sedek2001@um.edu.my)

<sup>785</sup> Profesor Madya di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. [khairul@usim.edu.my](mailto:khairul@usim.edu.my).

Bahkan ia mungkin menimbulkan persepsi yang negatif bagi sebahagian yang lain yang menentang idea pelaksanaan program tahfiz sebegini.

Namun hakikatnya, ia adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan kewujudan insan-insan yang diberikan keupayaan melakukannya dalam kalangan masyarakat semenjak zaman dahulu lagi seperti riwayat-riwayat yang sampai berkenaan manusia yang telah diberikan keupayaan menghafaz pantas daripada pelbagai bidang ilmu Islam yang lain seperti bidang hadis, sastera Arab dan lain-lain. Ia belum lagi dilihat daripada bidang-bidang ilmu yang lain seperti matematik, perubatan, fizik, kimia, geografi dan lain-lain.

Antara kisah yang popular berkenaan insan yang diberikan keupayaan menghafaz ialah riwayat tentang keupayaan Imam al-Syafie RA yang mampu menghafaz isi kandungan kitab al-Muwatta' karangan imam Malik hanya dengan melihat sekali imbas lembaran hadis yang terpapar di hadapannya sehingga beliau berjaya menghafaz keseluruhan kandungan kitab tersebut dalam tempoh 9 hari sahaja sedangkan ketika itu beliau baru sahaja berumur 12 tahun.<sup>786</sup> Ia merupakan sesuatu yang sangat hebat pada zaman tersebut. Ia juga berlaku setelah Imam Syafie RA disebutkan berjaya menghafaz al-Quran dalam di awal usianya.<sup>787</sup>

Begitu juga kebenaran kisah kekuatan hafazan al-Imam al-Bukhari ke atas hadis-hadis beserta sanad-sanadnya seperti yang telah dinukilkan oleh Khatib al-Baghdadi yang menukilkannya daripada Ibn Adi, saat ketika Imam al-Bukhari RA memasuki bumi Baghdad, lalu penduduk Baghdad yang mendengar kehebatan beliau dengan hafazan hadis-hadisnya merancang untuk menguji kehebatannya. Mereka mendatangkan 100 buah hadis yang ditukar balikkan riwayatnya lalu diperdengarkan di hadapan Imam al-Bukhari oleh setiap seorang yang datang mengujinya dengan 10 buah hadis hingga sempurna 100 buah hadis keseluruhannya ditukar balikkan perawi-perawinya. Setelah itu, Imam al-Bukhari, kembali membacakan keseluruhan 100 buah hadis tersebut dengan dibetulkan kembali kesemua sanad-sanadnya sekali.<sup>788</sup>

Imam al-Zahabi juga membawakan kisah dalam kitabnya yang popular *Siyar A'lam al-Nubala'* berkenaan tabi'in yang terkenal Ma'mar bin Rasyid yang mendengar bicara ilmu daripada Qatadah tatkala beliau cuma berusia empat belas tahun. Apa yang didengarinya sepanjang setahun berguru dengan Qatadah, ianya terus dapat dihafaz dalam dadanya.<sup>789</sup>

Pelbagai kisah keupayaan para ulama lain yang turut memiliki kekuatan minda dan hafazan telah dihimpunkan oleh para ulamak seperti al-Safdi dalam bukunya al-Wafi bi al-Wafayat,<sup>790</sup>

---

<sup>786</sup> Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain (1390H/1970M). *Manaqib al-Syafie*, Tahqiq oleh al-Sayyid Ahmad Saqar, Juz 1, Cetakan Pertama, Maktabah Dar al-Turath, al-Qahirah, m.s 100-101.

<sup>787</sup> *ibid.* m.s 92

<sup>788</sup> Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali, Abu Bakar (1422H/2001M), *Tarikh Madinah al-Salam Akhbaruha wa Muhaddithiha wa Zikru Quttaniha al-Ulama' min Ghairi Ahliha wa Waridiha*, Tahqiq Bisyar Awwad Ma'arif, Jilid 2, Bab Zikri al-Bukhari Majlis al-Tahdis wa Imtihan al-Baghdadiyyin lahu, Dar al-Gharb al-Islami, m.s 240-241.

<sup>789</sup> Al-Zahabi, Syams al-Din Muhammad bin Uthman (1402H/1982M), *Siyar A'lam al-Nubala'*, Tahqiq Ali bin Abu Zaid, Jilid 7, Muassasah Risalah, Beirut, m.s 6.

<sup>790</sup> Al-Shafdi, Salah al-Din, Khalil bin Aibak (1420H/2000M), *al-Wafi bi al-Wafayat*, Tahqiq Ahmad al-Arnaut, Cetakan Pertama, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut.

begitu juga al-Zahabi dalam Tarikh al-Islam,<sup>791</sup> selain dari kitabnya yang terkenal *Siyar A'lam al-Nubala'*.

Namun, sukar untuk melihat sorotan terhadap penghafazan al-Quran secara mendalam dinisbahkan kepada kekuatan hafazan yang membawa sehingga ianya dihafaz dalam tempoh yang pantas. Ini mungkin disebabkan hafazan al-Quran suatu ketika dahulu dianggap sebagai asas dalam ilmu dan mesti dikuasai sebelum penguasaan ilmu-ilmu yang lain dan ia merupakan suatu kebiasaan para ilmuan di zaman silam untuk menghafaznya.

Justeru, apa yang perlu dilihat secara mendalam ialah mengapa timbulnya persoalan berkenaan keupayaan pelaksanaan tahfiz pantas dalam tempoh masa yang lebih singkat berbanding bidang-bidang lain yang telah diperakukan kemampuan minda manusia melakukannya.

Antara telahan awal berkenaan persoalan ini ialah ia dilihat bersandarkan tujuan dan matlamat menghafaz al-Quran sendiri iaitu ia bukanlah semata-mata matlamat untuk mengingatkannya bahkan ia turut berkehendak kepada tuntutan-tuntutan lain yang bergerak seiring dengannya seperti memahami dan mengamalkan terlebih dahulu ayat-ayat yang telah dihafaz sebelum berpindah kepada ayat-ayat yang berikutnya atau penekanan terhadap aspek pengulangan (*muraja'ah*) lebih dari hafazan yang baru.

Namun, melihatkan keadaan penghafaz al-Quran dalam konteks masyarakat Malaysia, elemen-elemen seperti di atas dilihat tidak menjadi keutamaan masyarakat untuk waktu ini selain meletakkan sasaran menghabiskan hafazan al-Quran dalam tempoh waktu yang singkat bagi tujuan-tujuan bermanfaat yang lain merupakan suatu kaedah yang perlu dipertimbangkan dalam pertimbangan arus menghafaz al-Quran di Malaysia.

Apa pun, sorotan sejarah ini membawakan kepada kita berkenaan sejarah tahfiz al-Quran di Malaysia sehinggalah kaedah tahfiz pantas ini menjadi popular di kalangan masyarakat lewat waktu ini. Sorotan ini penting bagi memahami evolusi bidang tahfiz sehinggalah munculnya aliran tahfiz pantas yang memberikan pilihan baharu kepada masyarakat lewat waktu ini berbanding aliran konvensional yang bergantung kepada tempoh masa yang lebih panjang dan kaedah ulangan yang lebih banyak.<sup>792</sup>

Dalam sorotan sejarah perkembangan bidang tahfiz yang dimulakan sebelum zaman kemerdekaan, kebanyakan daripada sorotannya adalah melibatkan kaedah dan teknik hafazan al-Quran secara konvensional iaitu ulang dan hafaz, dan ia kebiasaannya melibatkan satu proses yang panjang dan memakan tempoh yang lama. Keadaan ini menjadi amalan kebiasaan institusi-institusi tahfiz sebelum kurun ke-21.<sup>793</sup>

---

<sup>791</sup> Al-Zahabi, Syams al-Din Muhammad bin Uthman (1417H/1997M), *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Masyahir wa al-A'lam*, Cetakan Pertama, Tahqiq Umar Abd al-Salam al-Tadmuri, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut,

<sup>792</sup> Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff (2023) *E-prosiding International Conference on Professional Huffaz 2023 (InFAZ)*, Mengemudi Masa Depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN), m.s 1-21.

<sup>793</sup> Muhammad Humran Mohd Sani, Muhammadmuhammad Harun, Muhamad Iskandar Zulqarnain Ash'ari, Syed Najihuddin Bin Syed Hassan, *E- Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023): Kajian Kaedah Hafazan Al-Quran Di Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban*, Penerbit USIM. <https://fpqs.usim.edu.my/ms/e-proceeding/> E-ISBN: 9786297534374, m.s 216-217.

Dewasa ini, perkembangan dan keperluan semasa terhadap bidang tahfiz mendorong beberapa kaedah baru diperkenalkan yang dilihat membawa pendekatan yang agak berbeza berbanding sebelumnya terutamanya melibatkan sudut tempoh masa yang dijangka bagi hafazan 30 juzuk al-Quran untuk disudahkan. Dakwa mereka yang terlibat dengan penawaran kaedah dan teknik baru hafazan al-Quran ini, kaedah baharu yang diperkenalkan ini berupaya menghasilkan seorang yang menghafaz 30 juzuk al-Quran sepantas 30 hari sahaja.<sup>794</sup> Bahkan ada yang mendakwa bahawa ianya boleh dilakukan dalam tempoh yang lebih singkat iaitu hanya sekitar 15 hari sahaja. Seandainya benar dakwaan-dakwaan ini, maka ia merupakan satu pencapaian yang sangat luar biasa bagi kaedah-kaedah hafazan al-Quran terbaru ini berbanding kaedah-kaedah sebelumnya dalam usaha menghafaz 30 juzuk al-Quran keseluruhannya.

Kaedah-kaedah atau teknik-teknik hafazan al-Quran dengan pantas ini dilihat menggamit penyertaan masyarakat muslim Malaysia untuk mengikutinya serta mula mencuri tumpuan masyarakat di Malaysia semenjak tahun 2018. Manakala di luar negara pula, kaedah-kaedah ini lebih awal diperkenalkan iaitu semenjak tahun 2014 lagi. Antara yang popular bagi kaedah-kaedah ini ialah; teknik Karantina, Stiffin dan Teknik Hafazan singkat 30 juzuk.

Teknik Karantina diasaskan di Indonesia pada tahun 2014 ini oleh dua orang pengasasnya iaitu Ustaz Ma'mun Qurthubi Al-Hafiz dan Ustaz Yadi Iryadi Al-Hafiz.<sup>795</sup> Ia mula diperkenalkan kepada masyarakat Malaysia sekitar tahun 2018 menerusi siri pengenalan yang diadakan menerusi seminar-seminar yang dianjurkan oleh Yayasan Karantina Malaysia. Dakwa pengasasnya, teknik ini membolehkan seseorang menghafal 30 juzuk al-Quran dalam tempoh yang singkat seawal 30 hari sahaja,<sup>796</sup> bahkan ada yang mendakwa berupaya melakukannya dengan menggunakan kaedah ini dalam waktu yang lebih singkat dari itu. Antara tekniknya yang popular ialah teknik '*Yadain Li Tahfizil Quran*'. Ia dikatakan dapat membantu seseorang untuk mengingat hafazan mereka dengan lebih berkesan.<sup>797</sup>

Teknik Stiffin pula ialah Teknik Hafazan al-Quran yang menekankan pembinaan personality dalam tempoh menghafazan al-Quran. Penekanan akan diberikan ke atas aspek-aspek berikut seawal tempoh permulaan seseorang peserta hendak memulakan hafazan al-Quran; S- itu mewakili Sensing iaitu bahagian otak di Limbik Kiri (Otak kiri bawah), T-itu mewakili Thinking iaitu bahagian otak di Neokorteks Kiri (Otak kiri atas), I - itu mewakili Intuiting iaitu

---

<sup>794</sup> Berita Harian, 22 Februari 2019 di laman sesawang: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/02/533644/hafaz-al-quran-dalam-35-hari>. Rujuk juga: Berita dari lama sesawang Maahad Tahfiz di Negeri Pahang di laman sesawang: <https://www.tahfizpahang.edu.my/en/21-artikel-terkini/274-seminar-teknik-hafaz-al-quran-sebulan>.

<sup>795</sup> Nur Masitah Mohamad Shawal, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2019), *E-prosiding International Conference on Professional Huffaz 2023 (InFAZ)*, Pecutan Hafazan Melalui Kaedah Karantina: Isu Dan Cadangan, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN), m.s 38-49.

<sup>796</sup> Rujuk: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/02/533644/hafaz-al-quran-dalam-35-hari>, rujuk juga: <https://www.tahfizpahang.edu.my/en/21-artikel-terkini/274-seminar-teknik-hafaz-al-quran-sebulan>.

<sup>797</sup> Supri Hidayati (2019), *Metode Pembelajaran Tahfidzul Qur'an Di Yayasan Karantina Tahfidzh Qur'an Nasional (YKTN)*, Tesis Sarjana, Program Studi Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan, Institut Agama Islam Negri Salatiga, Indonesia, m.s 79.

bahagian otak di Neokorteks Kanan (Otak kanan atas), F- itu mewakili Feeling iaitu bahagian otak di Limbik Kanan (Otak kanan bawah), I- itu mewakili Instinct iaitu bahagian otak tengah

Teknik Hafazan singkat 30 juzuk Al-Quran dalam masa tiga bulan merupakan projek inovasi terbaharu diperkenalkan Pusat Tahfiz Integrasi An Nur yang diasaskan oleh Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM). Teknik tersebut tidak hanya mementingkan hafazan ayat suci Al-Quran, tetapi turut menggabungkan konsep tadabbur dan bayangan dalam membantu peserta menghafaz dan menghayati isi kandungan kitab suci itu serta mengamalkannya. Menurut Pengasas YDKMM Dr Mohd Hizul Azri Md Noor, projek rintis teknik hafazan ini telah dilaksanakan pada 1 Januari hingga 30 Mac lalu membabitkan 45 orang peserta dan daripada jumlah itu 22 orang berjaya menghafal 30 juzuk Al-Quran. Dakwa peserta yang mengikuti program ini, beliau berjaya mengkhatamkan al-Quran dalam tempoh 61 hari sahaja iaitu sekitar dua bulan sahaja.<sup>798</sup>

Namun, hakikat sebenarnya tentang perkara ini belum pernah didedahkan dalam bentuk kajian yang tersusun bagi membuktikan kebenaran kebolehlaksanaan program ini bagi menghafal al-Quran dalam kalangan masyarakat Malaysia. Di samping itu, antara yang menjadi persoalan terhadap pelaksanaan kaedah ini ialah adakah ianya memenuhi kriteria hafazan al-Quran yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya SAW atau pun ia hanya sekadar hafazan yang bukan bermaksud memelihara kesucian dan kemuliaan al-Quran. Kesemua ini memerlukan kajian mendalam terhadapnya bagi memastikan masyarakat Malaysia benar-benar memperolehi kebaikan dari hafazan al-Quran yang dilakukan dan mencapai maksud menghafal al-Quran yang sebenar.

Kesemua teknik-teknik bagi setiap kaedah yang diperkenalkan ini dilihat menarik untuk digunakan dalam proses menghafaz al-Quran dengan matlamat mempercepatkan proses hafazan al-Quran berbanding kaedah-kaedah lain sebelum ini. Setiap kaedah-kaedah tersebut turut dilihat memiliki method-method atau teknik-teknik hafazan al-Quran tertentu yang ditekankan untuk digunakan oleh seseorang sepanjang mengikuti program-program hafazan al-Quran tersebut. Inilah yang dilihat menjadikan ianya menarik untuk dikaji dan dilihat ruang untuk dimanfaatkan atau ditambah baik pada masa akan datang.

Namun begitu, menerusi pemerhatian saya terhadap perkembangan tahfiz di Malaysia, trend baru ini dilihat telah pun bermula secara rasmi dalam arus pendidikan tahfiz negara semenjak pengenalan program persijilan tahfiz anjuran Darul Quran-UIAM pada tahun 2000. Ia telah dilihat memecah tradisi hafazan al-Quran sebelumnya di mana kebiasaannya program tahfiz yang dilangsungkan di sana (Darul Quran) di bawah program Diploma Tahfiz hanya disudahkan silibus hafazannya dalam tempoh 3 tahun pengajian. Dalam masa yang sama, terdapat juga di kalangan para mahasiswa yang mengikuti program ini berjaya menamatkannya lebih awal daripada sasaran silibus yang diletakkan. Ada yang berjaya menamatkan hafazan mereka dalam tempoh kurang dari dua tahun atau lebih singkat dari itu. Terdapat beberapa faktor yang telah dinyatakan oleh pakar yang terlibat berkenaan kejayaan para mahasiswa

---

<sup>798</sup> Rujuk: Harian Metro, 7 Jun 2019 di laman sesawang: <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/06/463015/61-hari-hafal-30-juzuk>

tersebut menamatkan hafazan mereka dalam tempoh yang lebih awal dari sasaran silibus yang ditetapkan. Antara faktor-faktornya:

1. Calon mahasiswa pernah mengikuti program tahfiz al-Quran di peringkat yang lebih rendah sebelum menyertai program diploma tahfiz di Darul Quran. Mereka telah membawa sebahagian daripada hafazan mereka atau keseluruhannya sebagai 'modal' untuk mengikuti pengajian peringkat diploma. Hafazan mereka boleh dianggap menyambung hafazan yang telah pun dilakukan sebelumnya atau 'muraja'ah' (mengulang) hafazan-hafazan yang telah dihafaz sebelumnya.
2. Kesediaan calon untuk mengikuti disiplin menghafaz dengan bimbingan kaedah dan teknik tertentu.
3. Wujudnya sistem sokongan terhadap calon dalam menghafaz al-Quran sama ada daripada keluarga atau penjaga, selain persekitaran yang baik.
4. Keupayaan sebahagian pelajar menghafaz dengan pantas berbanding sebahagian pelajar yang lain bersandarkan kepada keupayaan minda mereka untuk melakukannya. Contoh bagi keadaan ini ialah kebiasaan bagi hafazan pelajar untuk menghantar 'modal baharu' sebanyak satu (1) muka surat atau satu maqra' sehari (2.5 muka surat). Namun bagi pelajar yang memiliki keupayaan minda yang lebih tinggi, mereka berupaya untuk menghantar 'modal baharu' pada kadar 2 kali ganda kadar biasa pelajar lain. Keadaan ini memungkinan hafazan mereka ditamatkan sekali ganda lebih awal berbanding pelajar-pelajar yang lain.
5. Usaha yang lebih daripada pihak guru atau pembimbing hafazan untuk mengadakan sesi tambahan selain dari sesi formal bagi memantapkan hafazan dan memberi peluang pelajar menghantar 'modal baharu' hafazan dengan lebih banyak. Waktu formal sesi hafazan adalah pada kadar dua (2) jam sehari. Pertambahan waktu hafazan luar dari waktu formal ini turut membuka peluang para pelajar memantapkan hafazan al-Quran dalam sesi muraja'ah yang diadakan selain menghantar modal baharu setiap hari.
6. Penggunaan teknik dan kaedah tertentu yang membolehkan seseorang calon menghafaz al-Quran dengan pantas seperti kaedah Karantina yang membolehkan calon menghafaz al-Quran dalam waktu yang singkat.

Namun bagi penawaran program persijilan tahfiz yang baharu ditawarkan ini dengan kerjasama beberapa institusi bermula dengan pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Program ini memperuntukkan tempoh keseluruhan pengajiannya hanyalah setahun setengah atau tiga semester sahaja berbanding penawaran program diploma yang memakan masa selama tiga tahun pengajian atau 6 semester pengajian. Impak tempoh masa keseluruhan bagi kedua-dua program ini sudah tentu memberi kesan terhadap kurikulum tahfiz yang dijalankan bagi kedua-dua bentuk penawaran program tersebut. Namun, ia boleh dianggap satu anjakan baharu dalam pendidikan tahfiz di Malaysia. Penawarannya turut mendapat permintaan meluas terutama bagi mereka yang memiliki minat dalam bidang tahfiz namun tidak berhasrat untuk mendalaminya seperti yang ditawarkan dalam program diploma tahfiz. Sebaliknya mereka lebih berminat untuk menceburi bidang lain seperti perubatan, farmasi, kejuruteraan, arkitek dan lain-lain selepas menghafaz 30 juzuk al-Quran. Justeru, mereka diberikan peluang tersebut bagi tempoh

setahun setengah untuk peringkat persijilan tahfiz, sebelum melanjutkan pengajian di bidang yang diminati oleh mereka selepas itu.

Penawaran ini juga menarik perhatian institusi lain menyertainya seperti Universiti Tenaga Malaysia dan Universiti of Cyberjaya yang telah mengikat perjanjian kerjasama dengan Darul Quran bagi penawaran program ini secara bentuk kerjasama.

Kesan terhadap pelaksanaan kurikulum tahfiz menerusi penawaran program persijilan tahfiz ialah dari sudut sukatan hafazan yang ditetapkan bagi calon-calonnya jelas berbeza dari program diploma sedia ada. Calon-calon program diploma ditetapkan kemestian mereka untuk menghantar hafazan baharu sekurang-sekurangnya satu muka surat bagi setiap hari pengajian. Manakala bagi calon program persijilan, mereka dimestikan menghantar sekurang-kurangnya dua (2) maqra' (5 muka surat) sehari bagi membolehkan hafazan mereka ditamatkan dalam tempoh 10-12 bulan pengajian atau dalam tempoh 2 semester pengajian. Manakala 6 bulan berbaki atau semester yang terkahir difokuskan untuk *muraja'ah* (mengulang hafazan) mereka. Melihat kepada standard silibus yang ditetapkan bagi penawaran program persijilan ini adalah lebih tinggi, maka proses pemilihan calon-calon bagi program ini juga sedikit berbeza dari segi standard pencapaian akademik dan ujian saringan hafazan al-Quran yang dilakukan.

Meski pun begitu, penyertaan bagi program ini dilihat masih rendah disebabkan penawarannya adalah terhad kepada bilangan calon yang diluluskan sahaja menjadikan program ini tidak mendapat perhatian yang meluas berbanding apa yang ditawarkan dalam program anjuran pihak swasta seperti yang dikongsikan sebelum ini.

Namun, inilah detik baharu bagi penawaran bidang tahfiz di Malaysia. Ia boleh dikategorikan sebagai tahfiz pantas memandangkan tempoh yang disasarkan bagi hafazan al-Quran calon yang mengikuti program ini hanyalah sekitar 10-12 bulan sahaja atau lebih awal darinya. Keupayaan sebahagian calonnya mencapai tahap *muntaq* dan *jayyid jiddan* serta *jayyid* dalam ujian penilaian al-Quran seperti yang telah dikongsikan dalam kajian Shahrulkarnain<sup>799</sup> yang lalu menunjukkan kebolehlaksanaannya dalam penawaran bidang tahfiz sekali pun ia berhadapan dengan beberapa isu dan permasalahan.

Penawarannya yang terhad inilah akhirnya dilihat membuka peluang kepada pihak yang lain untuk menawarkan program tahfiz pantas ini selepas itu selain daripada faktor permintaan ibu bapa dan masyarakat terhadap bidang tahfiz ini buat anak-anak mereka mengikutinya.

Penawaran program-program tahfiz pantas ini meski pun berdepan dengan beberapa isu dan permasalahan yang akan dilontarkan dalam perbincangan akan datang, namun sekurang-kurangnya satu kajian yang adil patut diberi ruang untuk dijalankan bagi meninjau sudut sebenar kebolehlaksanaannya di samping melakukan pentaksiran dan penilaian secara

---

<sup>799</sup> Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir (2013), *Program Sijil Tahfiz Al-Qur'an Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis Terhadap Pencapaian Hafazan Dan Permasalahannya*, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, m.s 79-80.

langsung dan tidak langsung terhadap program agar timbul cadangan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan demi kepentingan bidang tahfiz pada masa akan datang.

Usaha untuk menghalang secara langsung pelaksanaan program sebegini pada masa akan datang juga dilihat tidak memberikan implikasi yang baik kerana permintaan terhadapnya sudah pun wujud dan ia sudah pun ditawarkan. Sebaliknya, ia dilihat berpotensi untuk ditawarkan, namun ia memerlukan pihak berkuasa seperti Majlis Tahfiz Negara mengawal selia dan melakukan pemantauan yang berterusan terhadap standard yang diguna pakai oleh pihak yang menawarkannya agar kesucian dan kemuliaan al-Quran dan ahlinya tidak dicemari oleh tangan-tangan yang mungkin hanya memikirkan keuntungan duniawi dengan menjual akhirat mereka.

## **2.8: Pro dan Kontra Kemunculan Aliran Tahfiz Pantas di Malaysia**

Secara umumnya, segala isu, permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh aliran tahfiz konvensional adalah isu sama yang akan dihadapi oleh aliran tahfiz pantas. Isu seperti kualiti hafazan al-Quran penghafaz yang mengikuti program ini, teknik dan kaedah, guru dan pendidik dalam bidang tahfiz, prasarana dan kemudahan, sokongan dan dokongan serta lain-lain akan turut dirasai oleh aliran tahfiz pantas ini.

Namun secara khususnya, terdapat isu besar yang membawa kepada pro dan kontra penerimaannya dalam masyarakat ialah datang dari pandangan dan persepsi masyarakat terhadap program hafazan al-Quran pantas dari beberapa sudut pandang tertentu. Ia diperolehi hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama-sama pakar yang terlibat dalam fasa analisa keperluan kajian di bawah tajuk ini. Ia seperti dapat pengkaji sebelumnya yang telah membentangkan dapatan kajian mereka sebelum ini.<sup>800</sup> Terdapat 4 isu besar yang dibangkitkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini iaitu:

1. Kesukaran Menyesuaikan Diri
2. Persekitaran Yang Kurang Kondusif
3. Kos Pengajian yang Tinggi
4. Kekurangan Guru Mahir

Bagi pengkaji pula, persoalan pokok yang perlu menjadi perhatian utama sebelum aliran tahfiz pantas ini diketengahkan ialah:

### **1. Hukum Melaksanakan Hafazan Al-Quran Secara Pantas.**

Persoalan berkenaan tentang hukum melaksanakan penghafazan al-Quran secara pantas. Secara umumnya, hasil daripada kajian literasi yang lalu menunjukkan bahawa pembacaan al-

---

<sup>800</sup> Nur Masitah Mohamad Shawal, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2019), *E-prosiding International Conference on Professional Huffaz 2023 (InFAZ)*, Pecutan Hafazan Melalui Kaedah Karantina: Isu Dan Cadangan, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN), m.s 38-49.

Quran bukanlah berkehendak kepada kepantasan semata-mata, bahkan ia berhajat kepada kefahaman dan pengamalan. Apatah lagi dari sudut penghafazan al-Quran, pasti ia lebih dari sekadar cubaan untuk mengingat setiap kalimah, ayat dan surah untuk tempoh masa tertentu, bahkan menjadi kewajipan setiap daripadanya diingati dan tidak dilupakan setelah berlakunya hafazan kali pertama ke atasnya. Tajuk yang lalu 1.6 yang lalu jelas menegaskan larangan untuk al-Quran itu dihafaz kemudian dilupakan akannya. Ia belum lagi melibatkan soal pemeliharannya daripada lupa dan pengekalannya dalam bentuk penulisan seperti yang berlaku dari zaman awal Islam, kefahaman terhadap isi kandungannya, pengamalan suruhan dan larangannya dan lain-lain perkara yang bersangkutan dengan penghafazan al-Quran secara secara menyeluruh.

Relevansi kemunculannya dalam arus pendidikan tahfiz negara menjadi persoalan bagi pengkaji bersandarkan budaya menghafaz al-Quran dalam tradisi ulama silam semenjak dari zaman para sahabat RAnhum yang mengkehendaki tempoh masa yang panjang dan kesabaran yang tinggi dalam memenuhi standard dan piawai menghafaz al-Quran yang sebenar-benarnya.

Tambahan pula, tiada contoh daripada para ulama terdahulu semenjak dari zaman salaf al-soleh yang menganjurkan atau menunjukkan contoh dalam penghafazan al-Quran secara pantas ini. Ini menjadi persoalan besar dalam diri pengkaji berkenaannya tatkala melihat cabang-cabang ilmu Islam yang lain ditampilkan keupayaan menghafaz bahan ilmunya dengan hebat dan pantas seperti bidang hadis yang menampilkan kehebatan al-Bukhari dan para muhaddithin yang lain dalam hafazan hadis mereka, bidang bahasa yang menampilkan kehebatan para penghafaz syairnya seperti al-Asma'i dan lain-lain, bidang feqah dengan kehebatan Imam al-Syafie dengan pengajiannya, serta cabang lain daripada ilmu-ilmu Islam dengan tokoh-tokohnya. Namun bagi bidang al-Quran, khususnya bidang tahfiz al-Quran, hampir tiada satu contoh daripada para ulamak silam ditampilkan kehebatannya dari sudut kepantasan menghafaznya berbanding bidang-bidang yang lain, melainkan kesungguhan. Apa yang ditampilkan daripada bidang al-Quran ialah kesungguhan para ulamak dan pekhidmatnya untuk menghidupkan kehidupan mereka dengan al-Quran daripada sudut pembacaannya, usaha-usaha untuk memahaminya dan mengamalkannya, usaha untuk mengajar dan menyampaikannya, sehinggalah kepada usaha untuk mencetak dan menerbitkannya. Dari sudut hafazan al-Quran, kehebatannya tidak ditampilkan dari sudut kepantasan seseorang menghafaznya, namun yang lebih ditekankan adalah kehebatan seseorang mengingat setiap huruf, kalimah dan ayatnya. Pertimbangan yang ada bagi menjawab persoalan ini (ketiadaan contoh daripada ulama silam yang ditampilkan kehebatan menghafaznya dari sudut kepantasannya menghafaz) adalah bersandarkan tiga kemungkinan yang difikirkan oleh pengkaji:

- a) Membaca dan menghafaz al-Quran bukanlah suatu perkara yang menekankan kepantasan menghafaznya semata-mata, namun ia lebih menekankan tentang mengingatnya dalam tempoh yang panjang selepas ia dihafaz kali yang pertama. Begitu juga ditekankan sudut kefahaman dan pengamalannya seperti yang dinyatakan oleh Ibn Mas'ud RA:

801 كان الرجل منا إذا تعلم عشر آيات لم يجاوزهن حتى يعرف معانيهن والعمل بهن

“Pemuda pada zaman kami apabila, apabila dia mempelajari 10 ayat, dia tidak akan melanguinya sehingga dia mengetahui makna-maknanya dan beramal dengannya.”

b) Ia bermungkinan termasuk dalam mafhum larangan Nabi SAW agar al-Quran tidak dibaca secara pantas.

عن عبد الله بن عمرو أنه قال: يا رسول الله! في كم أقرأ القرآن؟ قال: في شهرٍ. قال: إني أقوى من ذلك، يردُّ الكلام أبو موسى وتناقضه حتى قال: اقرأه في سبع. قال: إني أقوى من ذلك. قال: لا يفقه من قرأه في أقل من

ثلاث<sup>802</sup>

Maksudnya: “Daripada Abdullah bin Amr bertanya kepada Nabi S.A.W: Berapa hari saya harus menyelesaikan pembacaan seluruh Al-Qur'an, Ya Rasulullah? Baginda menjawab: Dalam satu bulan. Beliau berkata: Saya lebih bertenaga untuk menyelesaikannya dalam tempoh kurang daripada ini. Beliau (Abdullah) terus mengulangi kata-kata ini dan meminta dikurangkan tempoh sehingga baginda berkata: Lengkapkan bacaannya dalam tujuh hari. Beliau sekali lagi berkata: Saya lebih bertenaga untuk melengkapkannya dalam tempoh yang kurang daripada ini. Nabi S.A.W bersabda: Barangsiapa yang mengakhiri pembacaan Al-Quran dalam waktu kurang dari tiga hari maka dia tidak akan mengerti”

Hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa pembaca Al-Quran tidak boleh terlalu gopoh dan terlalu cepat mengkhataamkan Al-Quran iaitu kurang daripada 3 hari. Seharusnya pembaca memfokuskan bacaannya kepada kualiti bacaan dengan meraikan hukum-hukum tajwid serta berusaha untuk mentadabburkannya iaitu memahami dan menghayati makna Al-Quran itu sendiri.

Meski pun begitu, Imam al-Zarkasyi menyebut di dalam kitabnya: “Pandangan yang terpilih ialah perkara tersebut (yakni tidak boleh khatam Al-Quran kurang daripada 3 hari) adalah berbeza mengikut keadaan seseorang iaitu (dilihat) dari segi kesungguhannya, kekurangannya, tadabburnya, dan kelalaiannya dalam bacaan. Hal ini kerana, diriwayatkan bahawa Saidina Uthman R.A telah mengkhataamkan Al-Quran dalam satu malam.”<sup>803</sup>

Justeru, difahami daripada tuntutan hadis di atas, bahawa hafazan yang datang selepas bacaan al-Quran dilihat mestilah menuruti norma bacaan al-Quran seperti yang disarankan oleh sunnah

<sup>801</sup> Al-Tobari, Muhammad bin Jarir (1420H/2000M), *Jami' al-Bayan fi Takwil al-Quran*, Cetakan Pertama, Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, Jilid 1, Muassasah al-Risalah, Beirut, m.s 44.

<sup>802</sup> Al-Sajistani, Abi Daud, Sulaiman bin al-Asy<sup>c</sup>ath, *Sunan Abi Daud*, Jilid 1, Bab Fi Kam Yuqra' al-Quran, No. Hadis 1392, disahihkan oleh al-Albani, Dar al-Kitab al-<sup>c</sup>Arabi, Beirut, m.s 527.

<sup>803</sup> Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah (1376H/1957M), *al-Burhan fi <sup>c</sup>Ulum al-Quran*, Jilid 1, Dar al-Ma'rifah, Beirut, m.s 471.

dan amalan salaf al-soleh dari sudut kesesuaian masa menyudahkannya dan menyempurnakan bacaan dalam keadaan menunaikan hak-hak ayat-ayat yang dibaca. Justeru itu, ia mungkin dilihat tiada keperluan untuk ditamatkan bacaan mahu pun hafazan dalam tempoh yang lebih singkat, namun yang dilihat lebih penting bagi mereka ialah kualiti bacaan, usaha memahami dan mengamalkannya.

c) Kemungkinan juga ada di kalangan para ulama yang terdahulu berkeupayaan menghafaz al-Quran dalam tempoh yang pantas namun ia dianggap kebiasaan bagi para ulama yang hebat. Ia adalah kemungkinan yang difikirkan oleh pengkaji tanpa mendapat sandaran bukti khusus ke atasnya sebagai satu pertimbangan terhadap kemungkinan bagi persoalan ini. Apa yang disandarkan sebagai bukti sampingan hanyalah dalam bentuk penghafazan al-Quran di usia yang muda oleh para ulama yang hebat seperti al-Imam al-Syafie yang direkodkan menghafaz al-Quran pada usia tujuh (7) tahun di tangan ibunya. Begitu juga al-Imam Daud al-Zahiri yang sempurna menghafaz al-Quran pada usia tujuh tahun. al-Imam Ahmad bin Hanbal pula berjaya menghafaz al-Quran pada usianya belum mencapai 10 tahun. Al-Imam al-Suyuti tidak ketinggalan direkodkan menghafaz al-Quran pada usia 8 tahun. Al-Imam Ibn<sup>C</sup>Asyur, ahli tafsir yang terkenal juga direkodkan menghafaz al-Quran diusia 9 tahun di samping matan-matan ilmiah yang lain, dan pada usianya 13 tahun dia sudah mendalami bidang qiraat al-Quran, fiqh, nahu dan lain-lain.<sup>804</sup> Namun, sama ada penghafazan al-Quran mereka berlangsung dengan pantas atau tidak, ia sesuatu yang tidak pernah diketahui secara jelas oleh pengkaji.

## **2. Jaminan Kualiti Hafazan Al-Quran Para Penghafaz Yang Mengikuti Program**

Antara isu lain yang dibangkitkan ialah berkenaan jaminan kualiti hafazan al-Quran para penghafaz yang mengikuti program ini. Ia turut menjadi topik utama para pemerhati dan pengkaji aliran baharu ini. Desas-desus tentang kelemahan hafazan al-Quran para pelajar yang mengikuti program ini mula kedengaran khususnya selepas dari gelombang baru tahfiz pantas memasuki negara pada tahun 2018. Ia dilihat seolah-olah hanya mengambil kesempatan daripada permintaan masyarakat terhadap bidang tahfiz, dan keseronokan ibu bapa untuk menjadikan anak mereka seorang 'hafiz' al-Quran sehingga tidak lagi mempersoalkan kualiti hafazan anak-anak mereka setelah mengikuti program-program tersebut. Sehingga kini juga, tiada kajian khusus berkenaan keberkesanan program-program tahfiz pantas ini dalam membantu para pelajar menghafaz al-Quran dengan pantas dan dalam masa yang sama mampu menjaga kualiti hafazannya melainkan kajian yang telah dijalankan oleh Shahrulkarnain yang lalu.

## **3. Kesan Psikologi Peserta-Peserta Yang Mengikuti Program Tahfiz Pantas**

Kemungkinan-kemungkinan lain seperti kesan psikologi peserta-peserta yang mengikuti program tahfiz pantas ini juga turut dibangkitkan oleh pakar-pakar dalam temu bual bersama mereka. Tambahan pula, kaedah konvensional biasa yang mengambil tempoh masa lebih lama juga didapati turut memberi kesan terhadap para penghafaz al-Quran dari sudut emosi dan

---

<sup>804</sup> Al-Mustasyar, Abdullah al-<sup>C</sup>Uqail, *Majalah al-Mujtama'*, 24 Jun 2006.

keupayaan mereka dalam menangani stress di sepanjang tempoh pengajian,<sup>805</sup> pastinya program tahfiz pantas ini turut memiliki kemungkinan menerima impak psikologi ke atas para pesertanya disebabkan program tahfiz pantas ini menuntut para pesertanya menghafaz al-Quran dalam tempoh yang lebih singkat.

#### **4. Keupayaan dan Kemahiran Para Pembimbing**

Selain itu juga, antara persoalan yang bermain di minda para pemerhati terhadap penawaran program baharu ini ialah keupayaan para pembimbing atau ustaz dan ustazah yang akan bersama para pelajar di sepanjang tempoh hafazan 30 juzuk al-Quran. Ia dilihat dari sudut kemahiran dan keupayaan mereka melaksanakan program PdP sesuai dengan keperluan dan kehendak para pesertanya. Ini kerana program ini pasti memiliki kelainan berbanding kaedah-kaedah konvensional yang telah dilaksanakan sebelum ini dari sudut pelaksanaan kurikulum dan ko-kurikulumnya yang pasti turut memberi kesan terhadap kaedah dan teknik PdP para pendidik.

#### **5. Elemen Sokongan Terhadap Program Tahfiz Pantas**

Di samping itu juga elemen sokongan terhadap program ini seperti prasarana, kemudahan, alatan dan persiapan sendiri, dan persekitaran serta lain-lain juga turut dimasukkan sebagai pertimbangan yang perlu dimasukkan sebelum pelaksanaan program ini benar-benar dilaksanakan. Ia pasti memerlukan sistem sokongan yang mungkin berbeza dari program tahfiz konvensional daripada beberapa sudut.

Ia turut melihat kepada beberapa faktor lain yang dijangka memberi kesan langsung atau tidak langsung terhadap penawaran program ini. Antaranya melibatkan keupayaan para penghafaz mencapai sasaran yang diletakkan bagi sesebuah program yang dijalankan.

Meski pun dengan kemungkinan-kemungkinan yang dinyatakan bakal memberikan impak negatif terhadap penawaran program tahfiz pantas ini, diikuti dengan usaha-usaha bagi memperkasakannya, antaranya menerusi proses saringan-saringan awal bagi menghadkan penyertaannya dalam memastikan keupayaan bakal penghafaz al-Quran mengikuti program sebegini, namun keupayaan sebenar mereka hanya akan dapat diketahui setelah melalui proses menghafaz al-Quran menggunakan kaedah ini sehingga ke kesudahannya dan dinilai tahap pencapaiannya.

### **3.0: Relevan Penawaran Aliran Tahfiz al-Quran Pantas Masa Kini**

Di sebalik penawaran aliran tahfiz pantas pada masa kini, persoalan berhubung kerelevanan penawarannya masih berlegar di kalangan masyarakat khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang tahfiz ini. Apabila kita berbicara tentang kerelevanan aliran tahfiz pantas dalam arus bidang tahfiz pada hari ini, sudah tentu perbincangannya melalui pemerhatian terhadap unsur-unsur pro dan kontra daripada perbincangan bahan-bahan literasi

---

<sup>805</sup> Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir (2013), *Program Sijil Tahfiz Al-Qur'an Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis Terhadap Pencapaian Hafazan Dan Permasalahannya*, m.s 79.

seperti yang telah dikongsikan di bahagian seperti yang diperbincangkan dalam tajuk yang lalu di samping pandangan-pandangan pakar dan pemegang taruh dalam bidang tahfiz yang telah diperolehi menerusi sesi temu ramah yang dijalankan oleh pengkaji.

Secara kesimpulannya; isu-isu yang dilihat kontra dengan penawaran aliran tahfiz pantas ini ialah;

1. Persoalan tentang hukum dan keharusannya untuk ditawarkan program aliran tahfiz pantas ini yang ditanggapi oleh sebahagian daripada pemegang taruh bidang tahfiz bahawa ia adalah bertentangan dengan norma sebenar tahfiz dan amalannya. Satu sudut yang lain, menghafaz al-Quran dengan jalan yang pantas ini dilihat bukanlah matlamat utama dalam mana proses menghafaz al-Quran, bahkan yang diutamakan ialah mengingatinya, memahami setiap ayatnya dan berusaha untuk mengamalkan setiap suruhan dan larangannya sehinggalah kepada menghayatinya dalam kehidupan.
2. Antara isu utama juga yang dibangkitkan oleh setiap daripada pakar yang ditemu ramah bagi melengkapkan kajian ini ialah berkenaan jaminan kualiti hafazan calon yang mengikuti program tahfiz pantas ini, sama ada ia mampu mengingat hafazannya atau tidak. Isu ini dilihat berikutan ketiadaan jaminan yang konkrit bagi para calon yang bakal mengikuti program aliran tahfiz pantas ini terhadap kualiti hafazan yang bakal dihasilkan oleh bakal menghafaz al-Quran.
3. Antara kebimbangan yang dicetuskan juga ialah dari sudut kesan emosi dan psikologi terhadap para calon yang bakal menghafaz al-Quran menerusi kaedah tahfiz pantas ini juga dilihat besar. Beban menghafaz al-Quran bagi model tahfiz pantas ini dilihat sekurang-kurangnya dua kali ganda berbanding kaedah konvensional. Ia diukur berdasarkan sekurang-kurangnya dua kayu ukur yang membezakannya dari kaedah konvensional iaitu silibus hafazan yang perlu dicapai dalam sesuatu masa dan selain dari peruntukan masa menghafaz itu sendiri yang pasti akan turut memberi kesan terhadap beban yang akan ditanggung oleh para calon. Ia turut boleh dihitung menerusi perhitungan kaedah Masa Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time -SLT) yang biasa dipraktikkan dalam kiraan jam kredit bagi sesebuah mata pelajaran. Setakat ini tiada kajian yang konkrit yang dapat dijadikan sandaran sebagai jaminan awal terhadap kesejahteraan dan kesihatan para calon dari sudut fizikal, mental dan spiritual. Ia turut menjadi isu terhadap penolakan sebahagian pakar terhadap penawaran aliran tahfiz pantas ini.
4. Penawaran aliran tahfiz pantas ini juga dilihat masih baru dalam masyarakat. Justeru antara yang dilihat kekhuatiran terhadapnya oleh para pemegang taruh adalah persediaan guru dan pembimbing yang bakal membimbing para calon bagi mengikuti aliran tahfiz pantas ini dengan jayanya. Ini kerana salah satu teras dalam pembelajaran dan pengajaran al-Quran ialah kaedah *bertalaqqi* yang menekankan kepentingan guru dalam bersama-sama membimbing para pelajar mencapai sasaran hafazan dan melengkapkannya dengan sempurna.
5. Terdapat beberapa isu sampingan lain yang melibatkan kemudahan dan prasarana bagi penawaran program ini yang pasti turut diambil berat sesuai dengan keperluan masa kini demi menjamin keselesaan dan kesejahteraan para calon tahfiz pantas ini.

Namun, kesemua isu yang dibangkitkan sebagai alasan penolakan pelaksanaan ini dapat disediakan jawapan, alasan dan solusinya menerusi beberapa dapatan berikut:

1. Persoalan hukum dan keharusannya juga sebenarnya telah dijawab dari rujukan literasi yang telah disediakan dalam perbincangan sebelum ini di mana ia adalah bersifat relatif. Seandainya matlamat menghafaz al-Quran dengan sempurna itu dapat dicapai dengan keputusan hafazannya adalah baik, maka larangan menghafaz dengan pantas atau sekurang-kurangnya kebimbangan terhadap penawaran program tahfiz pantas ini akan dapat diangkat. Larangan yang ditanggapi oleh sebahagian daripada kita juga, tidak bersifat mutlak seperti larangan membaca dan mengkhatamkan al-Quran dalam tempoh tiga hari, sebaliknya ia adalah sesuatu yang disandarkan kepada amalan dan tabiat generasi sebelumnya yang boleh dianggap sebagai amalan terbaik yang boleh dicontohi.

Manakala isu yang berbangkit berhubung matlamat dan tujuan menghafaz al-Quran (untuk mengingatkan al-Quran lebih utama dari menghafaz tanpa mengingatkan) adalah alasan yang dapat diterima dan sememangnya ia mesti menjadi tujuan utama bagi setiap penawaran program tahfiz dalam apa jua bentuknya. Namun, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak keupayaan sebahagian daripada mereka yang diberikan keupayaan menghafaznya dengan pantas dalam keadaan mereka berupaya melunaskan setiap hak dan tuntutan menghafaz al-Quran. Keadaan ini juga telah disokong dengan dapatan literasi seperti yang dinyatakan oleh berhubung menghafaz al-Quran dalam tempoh setahun dengan menjadikan perkiraan hizb sebagai sasaran menghafaz. Begitu juga dengan kejayaan yang telah direkodkan oleh kajian Shahrulkarnain jelas menafikan bahawa dengan menjadikan matlamat menghafaz al-Quran dengan pantas, ia akan mengubah kualiti hafazan seseorang calon. Sebaliknya dengan memberikan ruang dan peluang bagi yang berkeupayaan, ia akan dapat memberdayakan keupayaan sesetengah daripada kita untuk menghafaz al-Quran dengan pantas.<sup>806</sup>

2. Menjawab persoalan yang dibangkitkan berhubung kualiti hafazan tahfiz pantas yang dibimbangi tidak mencapai tahap yang sepatutnya dalam menghafaz kitab Allah SWT, ia merupakan satu isu zaman berzaman-zaman seperti yang pernah dibangkitkan dalam kajian-kajian yang lalu. Hasilnya didapati bahawa isu ini tidak hanya melanda mereka yang mengikut program tahfiz pantas seperti program persijilan DQ,<sup>807</sup> namun ia turut dihadapi oleh aliran-aliran tahfiz konvensional. Salah satu puncanya ialah diri penghafaz itu sendiri yang gagal untuk mengikuti sesuatu program hafazan yang telah disediakan menyebabkan kegagalan mereka untuk mendapatkan hasil yang memuaskan dari sudut hafazan. Kejayaan beberapa individu yang mengikuti program tersebut turut sama perlu dijadikan kayu ukur bagi menyatakan bahawa kebarangkalian program sebegitu dapat dilaksanakan tetap ada. Selain itu juga kualiti hafazan guru sendiri memainkan peranan penting dalam menjayakan keberhasilan para calon di bawah bimbingannya selain keperluan wujudnya model yang boleh dijadikan sebagai panduan

---

<sup>806</sup> Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir (2013), *Program Sijil Tahfiz Al-Qur'an Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis Terhadap Pencapaian Hafazan Dan Permasalahannya*, m.s 79-80

<sup>807</sup> *Ibid.* m.s 79-80.

untuk menghafaz bagi para calon.<sup>808</sup> Namun, ia tetap memerlukan semakan dan penambahbaikan berkala serta dimantapkan kaedah serta pelaksanaannya dari masa ke semasa.

3. Isu ketiga berhubung kesan psikologi terhadap menghafaz al-Quran yang mengikuti program hafazan pantas ini. Setakat hari ini, tiada kajian yang mendapati bahawa terdapatnya keadaan tekanan psikologi yang berat ke atas pelajar-pelajar tahfizal-quran sama ada menerusi kaedah konvensional mahu pun pantas. Namun isu ini sudah tentu tidak boleh dipandang ringan oleh penganjur yang menganjurkan program-program tahfiz al-Quran sesuai dengan peredaran zaman dan kewujudan cabaran-cabaran yang berbeza dari suatu ketika dahulu. Penyediaan sokongan mental dan psikologi hendaklah diambil berat selari dengan penganjuran program tahfiz al-Quran bagi mengelakkan masalah-masalah yang berkaitan dengannya pada masa hadapan sekiranya ada. Ia sudah pun dipraktikkan di sekolah-sekolah mahu pun institusi pengajian yang lain sebagai persediaan berhadapan kemungkinan wujudnya masalah ini pada masa akan datang.
4. Persediaan dan keupayaan guru pula akan dapat diatasi dengan persediaan sebelum penawaran melibatkan pemilihan calon-calon guru yang kompeten di samping menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian dengan penawaran program tahfiz pantas ini. Apa pun kaedah yang digunakan oleh sesebuah institusi, sudah tentu ianya tidak dapat dipastikan sama dengan pengetahuan dapengalaman yang dimiliki oleh setiap guru sewaktu mereka menghafaz al-Quran sebelumnya. Namun, keseragaman guru yang bakal diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka boleh dibentuk menerusi latihan yang sistematik dan berterusan. Ia sama seperti kesimpulan yang dibuat oleh Azmil Hashim dan rakan-rakan bahawa wujudnya keperluan membina latihan ikhtisas perguruan khusus kepada pengajaran tahfiz bagi membangunkan profesionalisme guru tahfiz agar proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran lebih efisien dan efektif agar objektif pendidikan tahfiz tercapai dengan jayanya.<sup>809</sup>
5. Keperluan terhadap elemen-elemen sokongan bagi membentuk persekitaran menghafaz al-Quran yang kondusif juga tidak dinafikan perlu diambil berat khususnya setelah titah DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) berhubung isu ini dengan di mana baginda dengan tegasnya menitahkan semua sekolah tahfiz swasta yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditutup serta ditamatkan perkhidmatannya.<sup>810</sup> Ia dititahkan oleh baginda dalam ucapannya pada Majlis Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke Dua Dewan Negeri Selangor Ke Empat Belas Tahun 2019 pada 18 Mac 2019, di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam. Titah baginda: “Beta menitahkan sekolah swasta tahfiz yang tidak berdaftar dengan JAIS dan tidak mempunyai kurikulum dan sistem pendidikan akademik moden

---

<sup>808</sup> Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1, p. 28-39.

<sup>809</sup> *Ibid.* p. 38.

<sup>810</sup> Berita Harian, 18 Mac 2019. Rujuk: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/542325/sultan-selangor-titah-tutup-sekolah-tahfiz-swasta-tidak-berdaftar>

hendaklah ditutup dan ditamatkan perkhidmatannya,” titah baginda. Tujuannya adalah supaya penawaran mana-mana program tahfiz al-Quran bukan sahaja tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran, bahkan ia turut melibatkan keseluruhan elemen yang menjayakan sesuatu program tahfiz seperti fasiliti dan keselamatan, silibus dan sumber manusia, kewangan dan perancangan serta lain-lain lagi yang perlu diberikan perhatian bersekali dengan penawaran program tersebut. Justeru, tidak timbul isu, bahawa hanya program tahfiz pantas memerlukan perancangan dan kesediaan penawaran yang menyeluruh, bahkan ia turut melibatkan keseluruhan penawaran tahfiz al-Quran al-Karim.

#### **4.0: Keperluan Penawaran Program Tahfiz Pantas Di Malaysia**

Pihak yang pro dan bersetuju terhadap penawaran program tahfiz pantas ini pula, mereka melihat daripada sudut-sudut berikut menjadi antaranya keperluan penawaran program tahfiz pantas di Malaysia dewasa ini.

##### **4.1: Ekonomi Dan Kehendak Pihak Penaja atau Pembiaya**

Sesetengah program tahfiz mendapat penajaan dan pembiayaan daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkehendak kepada program tahfiz ini dilaksanakan dalam tempoh tertentu. Ia sebagai jaminan penajaan dan pembiayaan diteruskan dari masa ke semasa. Contoh yang dapat dilihat ialah Program Persijilan Tahfiz Darul Quran yang menghadkan masa pengajian antara 12-18 bulan sahaja. Dalam masa yang sama terdapat permintaan dan penawaran daripada pihak-pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan dan swasta daripada kalangan penaja dan penyalur sumber kewangan untuk melihat program yang dipercayai memberi impak kepada pembangunan syakhsiah individu ditawarkan sama ada secara tersendiri atau berkonsepkan integrasi dan dualisme dalam aliran pendidikan dewasa kini. Ibu bapa turut sama menyumbang pada penawaran program sebegini di mana dapat dilihat kehendak dan permintaan ibu bapa serta masyarakat yang ingin melihat anak-anak mereka menjadi penghafaz al-Quran semakin tinggi dari masa ke semasa.

##### **4.2: Silibus Pengajian Semasa**

Wujudnya penawaran dan kebolehlaksanaan silibus dalam penawaran program pengajian masa kini yang menjadikan program bersekali (*major & minor*) yang boleh disesuaikan dengan penawaran program pengajian yang lain contoh penyelarasan jam kredit dan sebagai. Program-program seperti yang ditawarkan oleh beberapa institusi pengajian antaranya Tahfiz al-Quran dengan Pendidikan, Tahfiz al-Quran dengan Multimedia, Tahfiz dengan Kemahiran, selain program-program persijilan jangka pendek seperti Program Persijilan Darul Quran UIA & UNITEN.

##### **4.3: Penyediaan ruangan dan peluang bagi yang memiliki kemampuan menghafaz al-Quran dengan pantas.**

Kemampuan sebahagian penghafaz al-Quran pada hari ini untuk menghafaz kandungan al-Quran dalam jumlah yang banyak setiap hari, di samping menjaga hafazan sedia ada

merupakan sesuatu yang sememangnya wujud. Keupayaan mereka untuk menghafaz hafazan baharu sekurang-kurangnya 5 muka sehari di samping menjaga hafazan lama telah diperakui oleh pakar-pakar hafazan yang ditemu ramah sebelum daripada ini bagi mendapatkan maklumat berkenaannya. Lantaran itu, wujudnya keperluan menyediakan ruangan dan peluang khusus bagi yang memiliki kemampuan menghafaz al-Quran dengan pantas sama seperti disediakan institusi pendidikan yang khusus bagi mereka yang memiliki keupayaan intelektual yang tinggi seumpama Kolej Permata Insan dan lain-lain. Kebolehan dan keupayaan ini hendaklah digunakan dan diberikan bimbingan yang sebaiknya agar potensi ini dapat digilap daripada insan-insan yang berkelebihan khususnya dalam pengajian al-Quran dan tahfiz. Menghalang dan menutup ruang sebegini akan merugikan sumber manusia yang sangat-sangat bernilai tinggi demi kecemerlangan pendidikan al-Quran pada masa akan datang.

### **5.0: Solusi**

Solusi yang dilihat oleh pengkaji sebagai adil bagi semua pihak ialah, menyediakan garis panduan berbentuk standard pematuhan atau model tahfiz pantas yang sesuai dengan keperluan masyarakat di Malaysia. Seandainya kita ingin menghalangnya penawaran program tahfiz pantas sebegini, ia dilihat tidak akan menyelesaikan kerana terdapat permintaan masyarakat padanya, dan dalam masa yang sama, secara tidak langsung program ini telah dilaksanakan hingga ke peringkat agensi kerajaan. Namun membenarkan secara tuntas juga tidak dilihat membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Penyediaan garis panduan berbentuk standard pematuhan atau model tahfiz pantas yang sesuai dengan masyarakat di Malaysia adalah pilihan yang dilihat lebih sesuai bagi mengimbangi antara elemen kontra dan pro dalam sorotan yang lalu.

Hasil daripada pembangunan standard dan model tahfiz pantas Malaysia ini akan membuka kepada perbincangan yang lebih komprehensif berbanding dengan ketiadaan standard atau model ini. Ia juga memungkinkan kajian-kajian lebih lanjut dilakukan bersandarkan kajian-kajian lalu yang dikhususkan bagi program-program tahfiz pantas ini.

### **6.0 Kesimpulan**

Penawaran program tahfiz al-Quran pantas dewasa kini adalah sesuatu yang relevan untuk diberikan perhatian oleh semua yang terlibat dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Namun kawalan dan pemantauan terhadapnya perlu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa demi memastikan roh dan disiplin utama menghafaz al-Quran terus dapat dipertahankan. Menghafaz al-Quran atas nama memelihara kesucian al-Quran bukan sahaja berkehendak ianya dihafaz, bahkan ia dituntut untuk dipelihara apa yang dihafaz dan bukannya dilupa. Perkara ini tidak akan dapat dilaksanakan melainkan perlunya diwujudkan satu standard atau model bagi tujuan menilai keperluan dan pelaksanaan program-program tahfiz pantas yang ditawarkan oleh mana-mana pihak dari masa ke semasa.

**Rujukan:**

- Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain (1390H/1970M). *Manaqib al-Syafie*, Tahqiq oleh al-Sayyid Ahmad Saqar, Juz 1, Cetakan Pertama, Maktabah Dar al-Turath, al-Qahirah.
- Al-Mustasyar, Abdullah al-CUqail, *Majalah al-Mujtama'*, 24 Jun 2006.
- Al-Sajistani, Abi Daud, Sulaiman bin al-Asycath, Sunan Abi Daud, Jilid 1, Bab Fi Kam Yuqra' al-Quran, No. Hadis 1392, disahihkan oleh al-Albani, Dar al-Kitab al-CArabi, Beirut.
- Al-Shafdi, Salah al-Din, Khalil bin Aibak (1420H/2000M), *al-Wafi bi al-Wafayat*, Tahqiq Ahmad al-Arnaut, Cetakan Pertama, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut.
- Al-Tobari, Muhammad bin Jarir (1420H/2000M), *Jami' al-Bayan fi Takwil al-Quran*, Cetakan Pertama, Tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, Jilid 1, Muassasah al-Risalah, Beirut.
- Al-Zahabi, Syams al-Din Muhammad bin Uthman (1402H/1982M), *Siyar A'lam al-Nubala'*, Tahqiq Ali bin Abu Zaid, Jilid 7, Muassasah Risalah, Beirut.
- Al-Zahabi, Syams al-Din Muhammad bin Uthman (1417H/1997M), *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Masyahir wa al-A'lam*, Cetakan Pertama, Tahqiq Umar Abd al-Salam al-Tadmuri, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah (1376H/1957M), *al-Burhan fi Culum al-Quran*, Jilid 1, Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. (2013). *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia*. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1, p. 28-39.
- Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff (2023) *E-prosiding International Conference on Professional Huffaz 2023 (InFAZ), Mengemudi Masa Depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa*, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN), m.s 1-21.
- Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali, Abu Bakar (1422H/2001M), *Tarikh Madinah al-Salam Akhbaruha wa Muhaddithiha wa Zikru Quttaniha al-Ulama' min Ghairi Ahliha wa Waridiha*, Tahqiq Bisyar Awwad Macruf, Jilid 2, Bab Zikri al-Bukhari Majlis al-Tahdis wa Imtihan al-Baghdadiyyin lahu, Dar al-Gharb al-Islami.
- Muhammad Humran Mohd Sani, Muhammadmuhaimin Harun, Muhamad Iskandar Zulqarnain Ash'ari, Syed Najihuddin Bin Syed Hassan, *E- Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023): Kajian Kaedah Hafazan Al-Quran Di Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban, Penerbit USIM*. <https://fpqs.usim.edu.my/ms/e-proceeding/> E-ISBN: 9786297534374, m.s 216-217.
- Nur Masitah Mohamad Shawal, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2019), *E-prosiding International Conference on Professional Huffaz 2023 (InFAZ), Pecutan Hafazan*

Melalui Kaedah Karantina: Isu Dan Cadangan, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN), m.s 38-49.

Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir (2013), Program Sijil Tahfiz Al-Qur'an Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis Terhadap Pencapaian Hafazan Dan Permasalahannya, Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

### **Rujukan Laman Sesawang:**

Berita Harian, 18 Mac 2019. Rujuk:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/542325/sultan-selangor-titah-tutup-sekolah-tahfiz-swasta-tidak-berdaftar>

Berita Harian, 22 Februari 2019 di laman sesawang:

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/02/533644/hafaz-al-quran-dalam-35-hari>.

Rujuk juga: Berita dari lama sesawang Maahad Tahfiz di Negeri Pahang di laman sesawang:

<https://www.tahfizpahang.edu.my/en/21-artikel-terkini/274-seminar-teknik-hafaz-al-quran-sebulan>.

Rujuk: Harian Metro, 7 Jun 2019 di laman sesawang:

<https://www.hmetro.com.my/utama/2019/06/463015/61-hari-hafal-30-juzuk>